

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk memperkemas dan memperketatkan SOP serta undang-undang berkaitan kewarganegaraan bagi pemohon yang berumur 21 tahun ke atas dan kanak-kanak berumur 21 tahun ke bawah agar usaha pihak tertentu yang mahu menjual kedaulatan Negara dapat dihalang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap Prosedur Pengendalian Standard (SOP) permohonan kewarganegaraan. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan seperti pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah serta perundangan lain yang berkaitan. Selain daripada itu, ia turut mengambil kira pelbagai aspek seperti kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

SOALAN NO : 30

Antara langkah yang sedang diambil dalam menangani isu permohonan kewarganegaraan selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain adalah seperti berikut:-

- a) Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan yang mana kewarganegaraan individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa sewaktu kelahiran; dan
- b) Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkelayakan sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian selaras dengan usaha KDN ke atas penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan.

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).